



MBSB BANK BERHAD
JABATAN KOMUNIKASI STRATEGIK
Level 7, Wisma MBSB,
No. 48, Jalan Dungun,
Damansara Heights,
50490, Kuala Lumpur
Tel. (03) 2096 3000/3230
Fax. (03) 2096 3372
www.mbsbbank.com

PRESS RELEASE
KENYATAAN AKHBAR
For Immediate Release
11 MEI 2019

MBSB BANK BERHAD MENYAMBUT RAMADAN BERSAMA ANAK-ANAK YATIM

KUALA LUMPUR, 11 MEI 2019: Bulan suci Ramadan terus disemarakkan dengan majlis Iftar anjuran MBSB Bank yang meraikan anak anak yatim dari Asrama Darul Falah (ASDAF) dan juga Persatuan Kebajikan Rumah Anak-Anak Yatim Damai Kuang.

Majlis yang diadakan di Aloft Hotel, Kuala Lumpur itu turut dihadiri oleh 200 hadirin, antaranya wakil dari 13 rumah pertubuhan kebajikan yang juga mendapat sumbangan dari MBSB Bank.

Ketua Pegawai Korporat MBSB Bank, Puan Azlina Mohd Rashad, meluahkan rasa gembira apabila ditemubual di majlis tersebut berkata, “Sebagai institusi perbankan Islam sepenuhnya, MBSB Bank sentiasa mementingkan tanggungjawab terhadap golongan asnaf dan memerlukan. Dengan adanya penganjuran majlis berbuka puasa seperti ini, harapan saya adalah agar ia dapat menambah barakah dan sillaturahim sesama kita bersempena dengan bulan ramadan yang mulia ini.”

Menurutnya lagi, “Kesejahteraan anak-anak yatim sememangnya sentiasa diambil berat oleh MBSB Bank dan kami sentiasa berusaha untuk menyumbang ke arah memperbaiki taraf hidup mereka.”

Selain dari pemberian sumbangan kepada rumah-rumah kebajikan, majlis itu juga menghargai kakitangannya yang berjaya meneruskan pengajian tinggi sambil berkhidmat di MBSB Bank. Anak-anak kakitangan yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan nasional juga diberi penghargaan di majlis itu.

Anugerah 'High Achievement Award' dan 'Education Excellence Award' telah disampaikan oleh Puan Azlina Mohd Rashad.

MBSB Bank, yang dikenali sebagai bank yang aktif dalam kerja-kerja komuniti turut menyumbang dan menyerahkan barangan elektrik serta barangan dapur bernilai RM 60,000 kepada Pusat Jagaan Kasih Illahi dan Pertubuhan Kebajikan Anak Kesayanganku Selangor minggu lalu, bagi memudahkan persiapan Ramadan mereka serta memberi kemudahan dan keselesaan kepada mereka.

-Tamat-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Azlina Mohd Rashad

Ketua Pegawai Korporat

Bahagian Perkhidmatan Korporat

Tel: 03-2096 3000/3230

Fax: 03-2096 3372

Email: strategiccom@mbsbbank.com

Mengenai MBSB Bank Berhad

MBSB Bank Berhad, sebuah bank yang menjalankan Perbankan Islam sepenuhnya, diperbadankan pada 28 November 2005 dan merupakan anak syarikat milik penuh Malaysia Building Society Berhad.

Pada 6 November 2017, MBSB telah menandatangani Perjanjian Saham & Pembelian dengan pemegang saham Asian Finance Bank Berhad ("AFB / Vendors") untuk cadangan pengambilalihan oleh MBSB bagi keseluruhan kepentingan ekuiti dalam AFB untuk pertimbangan pembelian agregat sebanyak RM644,952,807.66 dengan cara tunai berjumlah RM396,894,036.26 dan pengeluaran 225,507,974 Saham Pertimbangan pada harga terbitan RM1.10 setiap Saham Pertimbangan ("Perolehan").

Perolehan ini telah diluluskan oleh pemegang saham MBSB pada 23 Januari 2018. Para pemegang saham juga meluluskan pemindahan Aset dan Liabiliti yang Patuh Syariah MBSB kepada AFB melalui Skim Pengaturan Ahli.

Selaras dengan kelulusan yang disebutkan dan setelah selesai pemindahan saham dan pembayaran baki pertimbangan pembelian kepada Vendor, AFB menjadi anak syarikat milik penuh Malaysia Building Society Berhad pada 7 Februari 2018.

AFB telah membuat penjenaman semula dan pada 2 April 2018, ia menukar namanya kepada MBSB Bank Berhad